

0072

U 8877 AAB  
MAHATHIR - RAZALEIGH

KOTA BAHARU, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAKU BAHAWA BELIAU SECARA LANGSUNG TELAH MENYOKONG PROSES KENAIKAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH DALAM KEPIMPINAN UMNO.

+SAYA TURUT MENDOKONG DIA HINGGA DIBERI TEMPAT YANG BAIK DI DALAM UMNO DAN SAYA SEDIH DENGAN KEADAAN SEKARANG...SAYA TELAH BANYAK MENOLONG DIA,+ PERDANA MENTERI KEPADA SEKUMPULAN ANGGOTA VETERAN UMNO KELANTAN DI SINI.

SAMBIL MENYIFATKAN DIRINYA SEBAGAI SEANGKATAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA VETERAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA TENGKU RAZALEIGH NAIK +DI ATAS BAHU KITA+ DAN BELIAU NAIK DISEBABKAN UMNO BEHINGGA DIBERI TEMPAT MENJADI MENTERI.

KATANYA, TENGKU RAZALEIGH MENUBUHKAN SEMANGAT 46 BUKAN BERPUNCA DARIPADA PERBEZAAN IDEOLOGI DAN PERJUANGAN DENGAN BELIAU, TETAPI PERTENTANGAN BERLAKU KERANA TENGKU RAZALEIGH GAGAL MENJADI PRESIDEN UMNO ATAU LEBIH JELAS LAGI SEBAGAI PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYINGKAP SEJARAH PARTI PADA 1972 SEMASA BELIAU MEMENANGI KERUSI MAJLIS TERTINGGI DENGAN UNDI YANG TERBANYAK.

-- LAGI  
1405MST 29 09 90

BERITA DENGAN PEMBETULANNYA ADALAH SEPERTI BERIKUT:

MAHATHIR - RAZALEIGH 2 KOTA BAHARU

+PADA HAKIKATNYA ANGGOTA YANG MENDAPAT UNDI TERBANYAK DIANGGAP YANG TERKANAN SELEPAS NAIB PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN DAN PRESIDEN+, KATANYA.

OLEH ITU, KATA BELIAU, SEKIRANYA BERLAKU KEKOSONGAN JAWATAN NAIB PRESIDEN PADA MASA ITU, ORANG YANG PALING HAMPIR UNTUK NAIK SEBENARNYA JALAH BELIAU SENDIRI.

SEMASA TIMBALAN PRESIDEN TUN DR ISMAIL MENINGGAL DUNIA, ALLAHYARHAM TUN HUSSEIN ONN YANG PADA KETIKA ITU MENJADI NAIB PRESIDEN, DILANTIK MEMANGKU JAWATAN BERKENAAN.

PADA MASA ITULAH, MENURUT BELIAU, TENGKU RAZALEIGH TELAH MEMINTA BELIAU MENCALONKANNYA UNTUK JAWATAN NAIB PRESIDEN WALAUPUN PADA DASARNYA TUN HUSSEIN MASIH MEMEGANG JAWATAN NAIB PRESIDEN.

+WALAUPUN SAYA SEDAR, SAYA YANG PALING KANAN KETIKA ITU, SAYA RELA DAN MENCADANGKAN DIA MENGGANTIKAN TEMPAT TUN HUSSEIN DAN CADANGAN ITU TIDAK MENDAPAT BANGKANGAN.

+JADI JANGANLAH KATA SAYA TIDAK TOLONG...+ KATANYA. -- LAGI.  
1440MST 29 09 90

0083

R 8880 AAB  
MAHATHIR - RAZALEIGH 3 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENCERITAKAN BAGAIMANA SEMASA BELIAU SENDIRI BERTANDING JAWATAN NAIB PRESIDEN SELEPAS ITU, TENGKU RAZALEIGH TELAH MENGARAHKAN ANGGOTA UMNO KELANTAN SUPAYA TIDAK MENYOKONGNYA.

+TAK PATUTLAH BEGITU... SAYA YANG LEBIH KANAN DAN VETERAN... MACAM MANA PULA DIA KATA DIA YANG LEBIH AWAL DALAM PARTI.+

KATANYA, PADA HAL, SEMASA BELIAU SIBUK MEMPERJUANGKAN KEDUDUKAN UMNO KEDAH, TENGKU RAZALEIGH BARU BERUSIA KIRA-KIRA 10 TAHUN.

PERDANA MENTERI DENGAN NADA MERENDAH DIRI BERKATA, BELIAU RELA TENGKU RAZALEIGH MENENTANGNYA DENGAN APA SAJA USAHA TETAPI BELIAU TIDAK SANGGUP MELIHAT UMNO DIHANCURKAN KERANA ITU.

KATANYA, JIKA DITAKDIRKAN BELIAU KALAH DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI PADA TAHUN 1987, UMNO TIDAK AKAN KE MAHKAMAH DAN DIHARAMKAN DAN SEMANGAT 46 TIDAK AKAN DITUBUHKAN.

+DIA BUAT INI KERANA DIA KALAH... BUKAN KERANA KEMUNGKARAN EKONOMI DAN SEBAGAINYA.+ -- LAGI.

1457MST 29 09 90

MAHATHIR - RAZALEIGH 4 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA, TENGGU RAZALEIGH TIDAK SEPATUTNYA CUBA MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN MELAYU YANG TELAH LAMA WUJUD HASIL PERJUANGAN UMNO, LEBIH-LEBIH LAGI BELIAU SENDIRI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA UMNO SEBELUM INI.

+SAYA SENDIRI RELA UNTUK MENGELAKKAN DARIPADA (PERPECAHAN) INI BERLAKU... HINGGA SAYA TAWARKAN DIA UNTUK MENJADI MENTERI+, KATANYA.

KATANYA, BELIAU MEMAKLUMI CITA-CITA TENGGU RAZALEIGH UNTUK MENJADI PRESIDEN UMNO TETAPI TIDAK SEPATUTNYA BELIAU MELEMAHKAN PERPADUAN MELAYU KERANA USAHANYA ITU GAGAL.

+DATUK MUSA HITAM SENDIRI MEMPUNYAI MINAT UNTUK JAWATAN YANG SAMA... TETAPI BELIAU BANGGUP MENERIMA KEKALAHAN... DAN KALAU SAYA KALAH PUN SAYA TERIMA... +, KATANYA.

BELIAU BERKATA, USAHA TENGGU RAZALEIGH SEHINGGA MENJADIKAN MUSUH KETAT UMNO, IAITU DAP SEBAGAI KAWAN, HANYA MERUGIKAN ORANG MELAYU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA AHLI-AHLI POLITIK VETERAN ITU TERUS MEMBERIKAN SOKONGAN KEPADA UMNO KERANA +PERJUANGAN TIDAK HABIS LAGI... DAN ADALAH MERUGIKAN JIKA MEREKA BERASA PUAS PADA TAHAP INI+ DAN BELIAU BERTANYA KEPADA MEREKA SAMA ADA MEREKA BANGGUP MENYERAHKAN KEPADA +BUDAK INI (TENGGU RAZALEIGH) MENJAHANAMKAN PERPADUAN MELAYU.+ -- LAGI.

1501MST 29 09 90

D088

R 8882 AAB

MAHATHIR - RAZALEIGH 5 KOTA BAHARU

JELAS KELIHATAN PENJELASAN PERDANA MENTERI ITU MENDAPAT TEMPAT DI HATI MEREKA YANG HADIR, HINGGAKAN ADA BEBERAPA ORANG YANG MELAUNGKAN SESUATU TANDA SOKONGANNYA KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM LOGHAT KELANTAN.

SEMASA BELIAU BERTANYAKAN KEPADA MEREKA: +APAKAH RASANYA JIKA MEREKA BALIK KE RUMAH DAN MEREKA TERPAKSA MEMBAYAR SEWA UNTUK MASUK KE RUMAH SENDIRI?+, SEORANG DARIPADA MEREKA PENUH BERSEMANGAT MENYATAKAN RASA TIDAK BANGGUPNYA MENGHADAPI KEADAAN BEGITU.

BELIAU BERTANYAKAN DEMIKIAN SEMASA MENJELASKAN BAGAIMANA UMNO KINI TERPAKSA MENYEWAKAN UNTUK MENGGUNAKAN BANGUNAN PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA YANG DAHULUNYA KEPUNYAAN UMNO DAN HARTA ITU BELUM BOLEH DIKEMBALIKAN SETELAH UMNO DIHARAMKAN.

DALAM HAL INI, PRESIDEN UMNO MEMINTA KERJASAMA ANGGOTA-ANGGOTA VETERAN ITU SUPAYA MEMBERI KERJASAMA MENYERAHKAN RESIT KEANGGOTAAN MEREKA UNTUK MEMBANTU UMNO MENDAPATKAN SEMULA SEMUA HARTANYA.

BELIAU JUGA MENEKANKAN AKAN PENTINGNYA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BERSATU BAGI MENGELAKKAN PERPECAHAN ORANG MELAYU YANG MUNGKIN MENJADI LEBIH SERIUS AKIBAT DARIPADA USAHA MENUBUHKAN PARTI BERASINGAN SEPERTI SEMANGAT 46 DAN PAS. -- LAGI.

1512MST 29 09 90

D093

R 8886 AAB

MAHATHIR - RAZALEIGH 6 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENYINGKAP SEJARAH BAGAIMANA UMNO BERJASA MENJADIKAN ORANG MELAYU BERSATU DAN BERJAYA MENENTANG KUASA BRITISH WALAUPUN MEREKA TIDAK DILENGKAPI DENGAN KEKUATAN SENJATA DAN ILMU.

SEMANGAT +BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH+ HARUS DITEGAKKAN SEPANJANG MASA, TEGASNYA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAGAIMANA NEGARA-NEGARA ISLAM DI ASIA BARAT YANG SERBA BERKEMAMPUAN UNTUK BERJAYA, TETAPI LEMAH KERANA TIDAK BERSATU.

KATANYA, DISEBABKAN MEREKA YANG SEAGAMA DAN SEBANGSA INI BERSENGGATA ANTARA SATU SAMA LAIN, PERGOLAKAN ITU MENGUNTINGKAN BANGSA DAN NEGARA LAIN.